

KUALA LUMPUR, 4 NOV. (BERNAMA) -- KEMENTERIAN PELAJARAN TIDAK PERNAH MENGHALANG IBUBAPA DARI KETURUNAN BUKAN CHINA MENGHANTAR ANAK-ANAK MEREKA BELAJAR KE SEKOLAH-SEKOLAH ALIRAN CHINAWN KATA DR. MAHATHIR MOHAMED DI DEWAN RAKYAT HARI INI.

TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI PELAJARAN MENAFIKAN DAKWAAN ENCIK LIM KIT SIANG (DAP-KOTA MELAKA) BAHAWA JABATAN PELAJARAN DI SARAWAK TELAH MENGARAHKAN IBUBAPA BUKAN CHINA SUPAYA JANGAN MENGHANTAR ANAK-ANAK MEREKA KE SEKOLAH-SEKOLAH ALIRAN CHINA.

YANG SEBENARNYA KATA BELIAU, ARAHAN DIBERI KEPADA SEKOLAH-SEKOLAH ALIRAN CHINA YANG PENUH SESAK SUPAYA MURID-MURID BUKAN CHINA DITEMPATKAN DI SEKOLAH LAIN UNTUK MEMBERI KEUTAMAAN KEPADA MURID-MURID CHINA.

+JIKA MURID CHINA DI ARAH KE SEKOLAH LAIN UNTUK MEMBERI TEMPAT KEPADA MURID BUKAN CHINA, TENTULAH TENTANGAN HEBAT DITERIMA,+ KATANYA.

MENJAWAB PERTANYAAN TENGGU ZAID BIN TENGGU AHMAD (BN-PASIR MAS) DR. MAHATHIR MEMBERI TAHU BAHAWA RANCANGAN MUZIK MERUPAKAN PROGEM PALING POPULER YANG DITERBITKAN OLEH RADIO PENDIDIKAN BERBANDING DENGAN RANCANGAN LAIN. -- BERNAMA 1803/ZCM